



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

---

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### PERUMAHAN 1RAZAK MANSION DIBAWAH PROGRAM PEMBANGUNAN SEMULA KWP SIAP 9 BULAN LEBIH AWAL

**KUALA LUMPUR, 15 Mac** – YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri hari ini menyerahkan kunci kepada 658 penduduk asal Perumahan Awam Razak Mansion di Majlis Penyerahan Kunci 1Razak Mansion bersama YB Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor.

Semua penduduk mendapat sebuah unit pangsapuri baru 3 bilik tidur, 2 bilik air yang berkeluasan 800 kaki persegi dan 1 unit parkir untuk kenderaan hasil program pembangunan semula yang dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan. Projek pembinaan semula ini bermula pada Disember 2014 dan siap sepenuhnya pada Disember 2016.

Pemaju Impianika Development Sdn. Bhd telah berjaya menyiapkan projek perumahan ini 9 bulan lebih awal daripada jangkaan masa 3 tahun. Pemaju juga telah memastikan bahawa setiap unit Rumah 1Razak Mansion ini mempunyai hak milik strata di bawah nama pemilik sendiri berbanding sebelum ini yang tiada hak milik strata.

Pihak Pemaju telah berjaya merealisasikan pembangunan semula Perumahan 1Razak Mansion dengan hasil kerja yang berkualiti dalam masa yang begitu singkat. Inisiatif yang telah diambil oleh pemaju untuk membangunkan semula kawasan ini melalui perkongsian *Public Private Partnership* (PPP) wajar dipuji kerana dapat membantu pihak Kerajaan menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan.

Cadangan pembangunan semula Perumahan Awam Razak Mansion dipersetujui sebulat suara oleh penduduk tanpa bantahan bukti sokongan rakyat terhadap program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam meningkatkan kesejahteraan kehidupan mereka. Pemuafakatan dalam kalangan rakyat ini memudahkan pihak Kerajaan dan juga Pemaju Perumahan untuk merancang pembangunan yang bersesuaian dengan keperluan setempat sekaligus menaiktaraf kawasan usang di sekitar ibu kota agar seiring dengan arus pembangunan semasa.

Antara kemudahan yang berhampiran dengan Perumahan 1Razak Mansion ini adalah Stesen Malaysia-Singapore *high-speed rail* (HSR) juga terletak di Bandar Malaysia yang akan memudahkan dan memendekkan perjalanan dari Kuala Lumpur ke Singapura dengan mengambil masa lebih kurang 1 jam setengah sahaja sekaligus dapat menaikkan nilai hartanah di kawasan ini. Selain itu, pelbagai kemudahan lain yang disediakan untuk kegunaan bersama seperti tempat letak kereta pelawat, pejabat kecil, dewan orang ramai, surau, tadika, pejabat persatuan penduduk, pondok polis, bilik pengurusan mayat, 23 buah kedai dan 110 lot pasar. Malah, pemaju juga akan menanggung bayaran penyelenggaraan dan *sinking fund* selama 2 tahun.

Kerajaan telah mengatur pelbagai strategi dan usaha bersepadu agar kawasan perumahan berusia lebih daripada 20 tahun dan yang terpinggir, usang serta terbiar di ibu kota ini dimajukan dan sekaligus memberi manfaat kepada rakyat. Oleh itu, diharapkan rakyat sentiasa memberi sokongan kepada segala inisiatif yang diambil agar nikmat pemodenan dapat dinikmati bersama.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Kementerian Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur

15 Mac 2017